

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 22 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	LANGKAWI BAKAL JADI PUSAT BERAS PULUT NEGARA DUA TAHUN LAGI, NEWS, HARIAN MATRO (UTARA) -27 LANGKAWI MAHU PASARKAN BERAS PULUT SEBAGAI PRODUK KHAS SELAIN GAMAT, NEWS, OH SEMPUT -10	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN DAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3. 4. 5.	BOT NELAYAN VIETNAM DITAHAN CEROBOKH PERAIRAN NEGARA, NEGARA, KOSMO -15 PAKAR JANGKA HINGGA MEI, NEWS, HM (SABAH AN SARAWAK) -2 SHELLFISH PRODUCTION CENTRE TO BE BUILT IN PONTIAN, NEWS, SIN CHEW DAILY (JOHOR) -1	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	KESEDARAN PENYEMBELIHAN MASIH DI TAHAP RENDAH, NEWS, HM (JOHOR) -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	AGRO MALL FAMA PENUHI KEHENDAK IR 4.0, KOMENTAR, BH -11	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	MENCANDAT SOTONG ACARA WAJIB, TEGANU KITE, SH -34 NELAYAN BERLUMBA TURUN KE LAUT, TEGANU KITE, SH -34 JUAL SOTONG DENGAN CARA TERSENDIRI, TEGANU KITE, SH -35 TERUJA PENGALAMAN PERTAMA KALI MENCANDAT, TEGANU KITE, SH -35 TAMBAK LAUT, MANFAAT ATAU BENCANA?, DALAM NEGERI, UM -4 JANGAN MUSNAH LAUT, DALAM NEGERI, UM -4 BAGAIMANA NASIB NELAYAN?, DALAM NEGERI, UM -4 TEKAD PESAWAH MUDA, MEGA AGRO, UM -28 PERNAH RUGI PULUHAN RIBU RINGGIT, MEGA AGRO, UM -29 KEMENTERIAN BERI BANTUAN BAJA, MEGA AGRO, UM -29	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Langkawi bakal jadi pusat beras pulut negara dua tahun lagi		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	22 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4,701
Page No	27	Readership	14,103
Language	Malay	ArticleSize	156 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,597
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,791



Langkawi

Langkawi bakal jadi pusat beras pulut negara dua tahun lagi

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani optimis Langkawi berpotensi muncul pengeluar beras pulut utama negara dalam dua tahun lagi.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, sasaran itu dibuat selepas pemilihan beras pulut sebagai produk istimewa terkini pulau itu.

"Usaha itu digerakkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bersama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bermula September depan.

"Kami mengenal pasti jenis Pulut Siding, Hitam 9 dan Sri Malaysia 1 sesuai ditanam di sini," katanya, semalam.

Terdahulu, Mohd Sallehuddin merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2019

Peringkat Negeri Kedah di Taman Agro Teknologi MARDI Langkawi, di sini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Langkawi memiliki 2,700 hektar sawah dengan 1,300 petani mengusahakan tanaman padi sekali setahun.

"Projek berkenaan dilaksanakan menerusi pakej lengkap bermula dengan pemilihan benih, penanaman, penuaian, pengangkutan dan pembinaan kilang.

"Pendapatan pesawah di Langkawi dijangka meningkat berikutan beras pulut boleh dijual dua kali ganda lebih tinggi berbanding beras biasa.

"Projek ini mampu menghasilkan 6,000 tan beras pulut, sekali gus mengurangkan 20 peratus kadar import bijirin itu dari Thailand dan Vietnam," katanya.



MOHD Sallehuddin (dua dari kanan) melihat proses memasak lemang dalam mesin pada Hari Bertemu Pelanggan kementerianannya, semalam.

Headline	Langkawi mahu pasarkan beras pulut sebagai produk khas selain gamat		
MediaTitle	Oh Semput (www.ohsemput.com)		
Date	22 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Langkawi mahu pasarkan beras pulut sebagai produk khas selain gamat

Posted on 21 Apr 2019 22:00:42AddThis Sharing ButtonsKONGSI ARTIKEL

LANGKAWI: Langkawi bakal menjadi pengeluar beras pulut dengan projek penanaman pulut bermula September ini, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Mo...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Bot nelayan Vietnam ditahan ceroboh perairan negara

KUANTAN - Sebuah bot nelayan Vietnam bersama seorang tekong dan 18 awak-awak ditahan selepas disyaki menceroboh perairan negara kira-kira 60 batu nautika dari timur Kuantan di sini kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia (APMM) Pahang, Laksamana Muda Maritim Datuk Zulkarnain Mohd. Omar berkata, bot itu ditahan pada pukul 11 pagi oleh kapal ronda Tentera Laut Diraja Malaysia, KD Terengganu sebelum diserahkan kepada APMM.

"KD Terengganu yang membuat rondaan di Zon Ekonomi Eksklusif menjumpai bot nelayan itu yang dipercayai melakukan aktiviti menangkap ikan di kawasan sekitar.

"Pemeriksaan terhadap bot itu menemui hasil laut seberat hampir dua tan dan nilai keseluruhan rampasan termasuk bot dianggarkan RM1 juta," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Zulkarnain berkata, mereka yang ditahan berusia antara 20 hingga 50 tahun juga didapati tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dalam perairan Malaysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan.

Jika disabitkan kesalahan, tekong boleh didenda sehingga RM1 juta dan penjara maksimum tiga tahun, manakala awak-awak boleh didenda sehingga RM100,000 seorang dengan penjara maksimum selama dua tahun.

- Bernama

Headline	Pakar jangka hingga Mei		
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)		
Date	22 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3,028
Page No	2	Readership	9,084
Language	Malay	ArticleSize	464 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,969
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,908



Foto: IHSAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Pakar jangka hingga Mei



PAPAN tanda diletakkan di sepanjang Pantai Tanjung Aru berikutan kehadiran obor-obor pasir.

■ Pengunjung diminta waspada ancaman obor-obor ketika beriadah di Pantai Tanjung Aru

Norasikin Daineh
norasikin@hinmetro.com.my

Kota Kinabalu

Pasukan pakar dari Jabatan Perikanan Sabah dihantar bagi menjalankan siasatan berhubung kehadiran obor-obor di Pantai Tanjung Aru.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Junz Wong berkata, pasukan diketuai Dr Shuhadah Mustapha dari Pejabat Biokeselamatan Perikanan berada di Likas untuk menyiasat kehadiran hidupan laut berkenaan.

Katanya, setakat ini pasukan itu mengenal pasti ia adalah dari-

pada spesies obor-obor ber-bintik hitam kecil dikenali sebagai obor-obor pasir.

"Hidupan laut itu boleh menyebabkan kegatalan dan tindak balas alahan apabila bersentuhan dengan kulit manusia serta menyebabkan keradangan dan membengkak

"Kemunculannya disebabkan faktor cuaca kering dan panas. Kita menjang-

kakan mungkin berterusan hingga Mei tahun ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sehubungan itu, Wong me-

nasihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dan memakai pakaian renang menutupi keseluruhan badan ketika menjalankan aktiviti di laut.

Katanya, orang ramai juga dinasihatkan tidak mengambil obor-obor yang terdampar di pantai kerana hidupan itu dipercayai boleh melepaskan toksin walaupun kering.

"Orang ramai harus mematuhi arahan amaran. Kita meletakkan bendera merah di kawasan kehadiran obor-obor yang banyak sebagai amaran.

"Kita nasihatkan semua pihak terutama orang awam supaya sentiasa berhati-hati ketika berada di pantai atau melakukan aktiviti di laut," katanya.

OBOR-OBOR pasir dijumpai terdampar di Pantai Tanjung Aru.

FAKTA
Letak bendera merah di kawasan kehadiran obor-obor yang banyak sebagai amaran

Headline	Shellfish production centre to be built in Pontian		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Johor)		
Date	22 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	70,157
Page No	1	Readership	210,471
Language	Chinese	ArticleSize	747 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,357
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,070



研发了一款「壳类及软体动物处理系统」，以此提升其经济效益。
柔佛阿逸罗孔渔民码头的工作人员正在展示其研发的软体动物处理系统。



在柔佛县打造全国最大蚌蛤及贝类生产中心的计划，预计在两个月内正式推介。

農長：兩個月內落實推介

笨珍打造貝類生產中心



农业部也研探討如何提升牛畜业的发展潜力

【新山21日讯】农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育披露，在笨珍县打造全国最大蚌蛤及贝类生产中心的计划，预计在两个月内正式推介。

他指出，农业部及柔佛州政府都将投入拨款，推动上述计划的落实。

沙拉胡丁阿育是在今早9时访问柔佛州善后发展部，与新任柔州发展部部长在官邸召开新闻发布会，向媒体发表上述讲话。

他表示，在他与柔州发展部长长达约40分钟的会面中，双方针对州内的农业及发展作出交流，而其中一个讨论议题即是笨珍县的河塘及贝类

生产中心计划。

他说，丹絨比艾及笨珍非常适合作为贝类，而大臣此前担任柔州县生、环境及农业委员会主席期间，两人已就此计划进行讨论，相关对方如今升任大臣，拥有土地管理权，相信将更易于推动计划落实。

开拓柔农业发展潜力

沙拉胡丁阿育表示，柔州农业要拥有发展潜力，要如何养鸡、羊和牛，也可进一步探讨发展综合农业及大自然农业。

他指出，政府鼓励更多青年投入农业领域，应用新技术，开拓柔州的农业发展潜力。



沙拉胡丁阿育（右）拜会部长了，祝贺对方成为新任柔佛州务大臣。

Headline	Kesedaran penyembelihan masih di tahap rendah		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	22 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	22,187
Page No	27	Readership	66,561
Language	Malay	ArticleSize	54 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,591
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,774



Muar

Kesedaran penyembelihan masih di tahap rendah

Tahap kesedaran masyarakat berhubung amalan penyembelihan yang baik masih berada pada tahap rendah hingga menyebabkan perkara berkaitan kebajikan

haiwan, undang-undang, peraturan dan pengurusan pengendalian penyembelihan tidak diterapkan dengan baik.
Menteri Pertanian dan

Industri Asas Tani. Datuk Salahuddin Ayub berkata, aktiviti penyembelihan ternakan seperti lembu, kambing dan bebiri sering dilaksanakan umat Islam di negara ini.

22/4/2019

BERITA
KOMENTAR

11

HARIAN

Agro Mall FAMA memenuhi kehendak IR 4.0

Dalam ramai mengeluh dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, ia sahlah tidak dipandang sepi oleh kepimpinan kerajaan. Pelbagai usaha dipergiatkan bagi memastikan rakyat tidak terbelan dengan kos barang keperluan harian dan dapat menjaga lani kehidupan seharian dengan sempurna, walaupun bergaji kecil.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang sinonim di hati rakyat, menjalankan pelbagai inisiatif bukan sahaja membantu menangani kos sara hidup rakyat malah golongan peniaga kecil tempatan yang bermaung di bawahnya.

Inisiatif seperti Pasar Tani, Agrobazar dan Pasar Komuniti sudah semestinya diketahui umum membantu golongan pekebun dan peniaga tempatan memasarkan produk masing-masing.

Terbaharu, FAMA membina kompleks beli-belah canggih bersepadu di Puchong. Selangor dan pastinya memberikan suasana be-

li belah yang menjadi idaman masyarakat di negara ini.

Agro Mall FAMA berkonsepkan moden dan memiliki reka bentuk canggih bakal memberi tumpuan kepada produk agro makanan serta produk berasaskan industri asas tani.

Infrastruktur lengkap pelbagai kemudahan

Pusat beli-belah bernilai RM8 juta itu dibangunkan di atas tapak seluas 1.21 hektar dan dijangka siap pada 2020. Ia bakal menempatkan lot jualan produk agromakanan, selain tempat pameran bagi produk industri asas tani serta dilengkapi kemudahan bilik sejuk, tandas, surau dan ruang parkir.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, dalam ucapan pada majlis pecah tanah projek berkenaan berkata, Agro Mall itu akan menjadi saluran alternatif dengan kewujudan outlet runcit bertaraf premium yang menjual produk keluaran usahawan tempatan.

"Pada masa ini dianggarkan le-

bih 1,500 unit simpanan stok (SKU) produk dikeluarkan oleh usahawan asas tani, namun pengguna sukar mendapatkannya di pasaran.

"Adalah dijangkakan seramai 250 usahawan asas tani akan mendapat faedah daripada pembangunan Agro Mall ini dengan sasaran jualan RM18 juta setahun," katanya.

Selain jangkakan jualan, beliau turut menyasarkan pembinaan pusat beli-belah terbahit berupaya meningkatkan pendapatan usahawan sebanyak 30 peratus dengan perijimatan antara lima hingga 20 peratus kepada peraguna.

"Dijangkakan dengan andaian nilai belian sebanyak RM50 serang seminggu, pengujung akan dapat menjimatkan RM14.40 setiap kali berbelanja bagi barangan yang sama.

Nilai penjimatan yang besar

"jika 5,000 pelanggan berkunjung ke Agro Mall dalam seminggu, nilai penjimatan setahun adalah sebanyak RM3.4 juta," katanya.

Agro Mall FAMA itu akan beroperasi secara harian dan

memberi fokus kepada produk asas tani, manakala produk segar akan diinagakan di lot sedia ada.

Lebih membanggakan, Pengerusi FAMA, Ishak Ismail menyifatkan Agro Mall FAMA itu bakal memenuhi kehendak Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Aktiviti jualan bukan sahaja dijalankan secara runcit dan borong, malah boleh diinagakan secara atas talian.

Sudah pasti dengan penerapan teknologi mampu menarik lebih ramai golongan muda terutama dalam kalangan siswazah men-cuburi perniagaan berasaskan pertanian, sekali gus berupaya meningkatkan stok makanan negara.

Justeru, pembangunan projek terbahit akan menjadi pemangkin dalam pembangunan sistem pemasaran, pengedaran dan logistik yang cekap serta berkesan seterusnya mempromosi industri agromakanan sebagai satu perniagaan yang menguntungkan.

Penulis adalah Wartawan BH.



Mohd Iskandar Ibrahim

mohd_iskandar@bh.com.my



Inisiatif seperti Pasar Tani, Agrobazar dan Pasar Komuniti sudah semestinya diketahui umum membantu golongan pekebun dan peniaga tempatan memasarkan produk masing-masing"



Setiap tahun puluhan bot nelayan di Terengganu akan disewa oleh peminat mencandat sotong dari seluruh negara.

Mencandat sotong acara wajib



Kaki mencandat sotong yang mendapatkan khidmat bot Mohd Azlin.

Tarikan utama pelancong ke Terengganu

MOHD AZLIN ZAINURY

MARANG

Pelbagai aktiviti menarik yang diselitkan dalam kalendar kempen pelancongan negeri pada tahun ini. Paling menggamit tumpuan antaranya adalah program mencandat sotong.

Mencandat sotong boleh dikatakan antara aktiviti wajib dilakukan pelancong yang berkunjung ke negeri Terengganu ketika ini dan aktiviti itu bermula pada bulan April sehingga Oktober setiap tahun.

MOHD AZLIN

Namun, mereka khususnya 'kaki candat' yang berhasrat menyertai aktiviti itu perlulah membuat tempahan awal yang biasanya telah dibuka sejak tahun lalu agar trip mereka berjalan dengan lancar.

Kadar sewa ikut saiz

Mohd Azlin Othman, 33, yang menyediakan perkhidmatan menyewa bot berkata, ada antara mereka membuat tempahan setahun lebih awal agar dapat membuat persiapan dengan lebih baik.

"Ada penyewa yang sanggup tempah bot setahun awal dari tarikh hendak pergi kerana ia menjadi rebutan ramai peminat mencandat sotong," katanya kepada Sinar Harian di sini. Pemuda ini juga menyifatkan

musim mencandat kali ini juga berbeza berbanding pada tahun-tahun sudah kerana senarai tempahan amat menggalakkan berikutan keadaan cuaca yang baik ketika ini.

"Kalau nak ikutkan aktiviti ini masih awal tetapi senarai pelanggan menempah bot untuk trip mencandat sotong mulai penuh kerana kadar sewaan dikenakan berpatutan malah keadaan bot juga selamat.

"Kadar sewaan bergantung pada saiz bot. Ada bot RM1,000, ada RM1,200. Bot besar boleh bawa 12 orang. Kadar ni biasa dikenakan di Marang yang sudah terkenal dengan aktiviti mencandat sotong.

"Pada awal musim tangkapan kurang, tapi kalau rajin hasilnya tetap ada dan musim mencandat adalah detik paling ditunggu-tunggu bukan sahaja pemilik bot tetapi nelayan setempat," katanya.

Nelayan berlumba turun ke laut

TINJAUAN juga mendapati nelayan pantai di Marang seperti berlumba-lumba turun ke laut dengan misi untuk menangkap sebanyak mungkin sotong yang membanjiri perairan berkenaan ketika ini.

Lambakan haiwan laut itu secara tidak langsung memberikan keuntungan kepada mereka termasuk pemborong dan peniaga manakala pembeli pula akan merasa nikmat luar biasa hasil daripada lambakan sotong.

Malah ada dalam kalangan nelayan mengakui mampu untuk memperoleh hasil lumayan melalui aktiviti mencandat sekiranya mereka berjaya menaikkan sotong melebihi 50 kilogram dalam satu malam.

Supti Mansur, 53, dari Mechang, berkata, sepanjang musim mencandat mereka mampu menaikkan sotong dalam kuantiti lebih banyak berbanding pada hari-hari biasa atau di luar musim.

Menurutnya, musim mencandat sotong pada setiap tahun memberi peluang kepada nelayan untuk meraih pendapatan berganda sehingga tempoh musim mencandat sotong berakhir.

"Tahun lepas kurang sikit... tahun ini waktu sekarang ini sudah ada (sotong) sikit-sikit. Saya berharap ia akan bertambah lagi jika tidak diganggu oleh (bot) pukut tunda," katanya kepada Sinar Harian.

Supri berkata, ketika ini sotong dijual pada harga antara RM26 hingga RM28 sekilogram dan mereka mampu menaikkan puluhan kilogram sotong selepas keluar kira-kira jam 5 petang dan pulang ketika Subuh.

Namun, pendapatan lumayan seperti itu bukan selalu diperolehi kerana ia bergantung kepada nasib serta keadaan cuaca semasa dan ada ketikanya pulang dengan beberapa kilogram sotong sahaja.



Lambakan sotong yang berjaya ditangkap menerusi aktiviti mencandat.

Jual sotong dengan cara tersendiri

BAGI nelayan dari Kuala Nerus, Mohd Azmi Muda, 50, pula, dia mula keluar mencandat sotong sejak pertengahan Mac lalu dan mampu memperoleh lebih kurang 20 kilogram sotong semalaman.

"Sekarang sotong semakin bertambah dan aktiviti ini dijangka semakin rancak antara Mei hingga Ogos. Harga sotong ketika itu juga dijangka akan lebih murah berbanding sekarang," katanya.

Mohd Azmi, lebih mesra dipanggil Pok Cher berkata, dia menjadi nelayan sejak usia muda dan musim mencandat sotong adalah masa terbaik untuk golongan nelayan seperti menyempurnakan pendapatannya.


"Saya menjual terus hasil mencandat ini di bahu jalan di Pantai Kolam dan ia mendapat sambutan apabila dalam tempoh singkat sahaja sotong candat ini habis dijual," katanya di pantai itu, ketika ditemui. Mohd Azmi juga



Pok Cher mempunyai cara tersendiri menarik pelanggan ke rumahnya di Pantai Kolam.

mempunyai cara tersendiri bagi menarik pelanggan dengan berdiri di tepi jalan sambil memegang sotong pada kedua-dua belah tangan sambil melambai lambai ke arah pengguna jalan raya.

Bagi seorang lagi nelayan, Sulaiman Awang, 60, pula berkata, dia juga tidak melepaskan peluang mencandat sotong pada setiap tahun kerana pulangan hasil menjual sotong lebih tinggi berbanding ikan.



Aliran angin kencang menyebabkan gelombang yang tinggi dan juga berbahaya bagi mereka yang mabuk laut.

Teruja pengalaman pertama kali mencandat

BAGI mereka yang baharu kali pertama keluar mencandat sotong pula keadaannya sudah pasti berbeza dari segi keterujaan kerana perlu melalui pengalaman baharu tidak pernah dilakukan sebelum ini.

Kakitangan sebuah hospital swasta di negeri ini.

Rohaya Mansor, 43, berkata, dia dan rakan rakan sekerja terutamanya yang pertama kali menyertai aktiviti mencandat begitu

teruja untuk menimba pengalaman.

"Kami begitu teruja untuk turut serta dalam trip mencandat ini walaupun ini adalah kali pertama buat kami. Pengalaman ini cukup berharga buat kami semua selain seronok mencandat sotong.

"Bagi saya sendiri, aktiviti ini dapat memberi gambaran sebenar kehidupan nelayan, dapat merasai susah payah mereka untuk mendapatkan hasil tangkapan dalam tempoh semalaman di laut lepas.

"Kami berpuas hati dapat mengikut trip ini kerana servis yang diberikan adalah memuaskan. Tekong bot dan krew banyak membantu memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman mereka," katanya.

Tambahnya, walaupun hasil tangkapan sotong tidak banyak kerana faktor bulan gelap tetapi mereka berpuas hati dengan apa yang diperolehi dan paling utama, pengalaman itu tidak dapat dijual beli.



Sotong bersaiz besar yang berjaya dianalkan hasil teknik mencandat.



Rohaya menimba pengalaman pertamanya menyertai aktiviti mencandat sotong.

22/4/2019

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

4

INFO

PROJEK TEBUS GUNA SELATAN PULAU PINANG (PSR): Kawasan terlobat: Permatang Damar Laut, Teluk Kumbar
Jumlah: 3 buah pulau
Keluasan: Kilow-kilow 1,600 hektar
Pulau A: 930 hektar
Pulau B: 566 hektar
Pulau C: 255 hektar
Pihak pelaksana: Konsortium SRS
Anggaran nelayan terlobat: 805 keluarga dengan 3,140 orang
Sasaran mula projek: Dalam tempoh dua tahun akan datang
Tujuan: Menjana pembangunan ekonomi negeri dan membiayai pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang. Kos PIP: Anggaran RM446 bilion
Komponen PIP: Terowong dasar laut; Transit Aliran Ringan (LRT), monorel, kereta kabel, teksi air dan beberapa bejub raya.

KAWASAN perairan yang dicadangkan untuk ditambak sehingga mencekaskan kepelisan komuniti nelayan yang bakal hilang mata pencarian di Teluk Kumbar, Pulau Pinang.



Tambak laut, manfaat atau bencana?

Oleh **MOHD. KHUZAIRI ISMAIL**
penarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 21 APRIL

SUKA atau tidak, satu lagi projek tambak laut iaitu di selatan perairan negeri ini (PSR) hampir pasti bakal dilaksanakan sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun akan datang.

Halakat itu diperkuatkan lagi dengan reaksi Ketua Menteri, Chow Kon Yeow terhadap penguaman Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) minggu lalu.

Meskipun terdapat sedikit percampuran antara pendirian Kon Yeow dengan MPFN, namun pada dasarnya, projek di Teluk Kumbar itu dipersetujui sekiranya kerajaan negeri mematuhi 18 nasihat yang digariskan.

Disebabkan tiada badan khusus yang pada akhirnya akan memutuskan mengenai projek

itu, maka keputusan kini terletak pada kerajaan negeri untuk mematuhi 18 nasihat berkenaan seterusnya memulakan projek tersebut.

Persoalannya adakah bahagian pulau negeri ini mampu untuk terus menampung sekian banyak projek tambakan laut?

Ketika ini, beberapa projek tambak laut telah diluluskan dan dicadangkan di beberapa bahagian negeri ini seperti di timur laut dan tenggara selain projek PSR itu.

Antaranya adalah kerja menambak laut untuk projek Sert Tanjung Pinang Fasa 2 yang juga termasuk penambakan laut di pantai Persiaran Gurney; Bayan Bay dan Bayan Mutiara.

Secara keseluruhan juga, beratus-ratus hektar kawasan laut di negeri ini sudah ditambak sehinggalah peta demografi negeri ini semakin berubah dan terganggu.

Ini adalah kebimbangan utama banyak pihak iaitu risikonya kepada keselamatan negeri ini termasuk kemampuannya berdepan bencana alam seperti tsunami.

Ini kerana seperti dipersetujui pakar marin, kerja tambak laut akan merubah ciri-ciri hidrologi iaitu aliran air dan pemindahan tenaga ombak semula jadi ke kawasan lain.

Disebabkan itu, di kawasan-kawasan yang ditambak seperti di pesisir Tanjung Tokong di sini, kejadian hakisan pantai yang serius bukan sesuatu yang asing disebabkan perubahan ombak tersebut.

Di negeri ini juga, kerja menambak laut yang dijalankan lebih awal telah memberikan kesan buruk terhadap kualiti air laut akibat pencemaran yang kesannya dirasakan sehingga kini.

Ini disebabkan kerja-kerja mengorek dan menimbus pasir

yang menghasilkan mendapan lumpur sekali gus memusnahkan sumber hidupan laut negara.

Kemusnahan ini bukan lagi rahsia malah rungutan nelayan yang hilang mata pencarian selepas ikan, ketam, udang dan kerang di kawasan laut mereka musnah boleh didengari saban hari.

Dari satu sudut, rakyat memahami matlamat kerajaan negeri menambak laut di Teluk Kumbar itu bertujuan mengumpul dana untuk menayakan Pelan Induk Pengangkutan (PIP).

Pelan ini kelak yang menawarkan pelbagai mod pengangkutan bakal menyelesaikan masalah kesesakan lalu-lintas di negeri ini yang semakin hari semakin serius.

Namun, pertimbangan sewajarnya perlu dibuat adakah kemusnahan kawasan laut itu memadai atau berbaloi dengan penyelesaian lalu-lintas seperti

diharapkan kerajaan negeri.

Apakah tidak ada cara lain yang boleh dilakukan kerajaan negeri yang kini sudah berkongsi kuasa dengan Kerajaan Pusat untuk mencari dana bagi menayakan PIP selain menambak laut?

Barangkali jalan terbaik ketika ini adalah bertemu seramai dan sebanyak mungkin penduduk serta NGO pelbagai latar belakang sebelum sebarang keputusan muktamad mengenai projek ini dibuat.

Projek mega seperti ini tidak wajar hanya diputuskan menerusi persetujuan dasar di peringkat pentadbiran kerajaan negeri atau perbincangan dengan pihak pemaju semata-mata.

Ini kerana yang bakal menanggung kesan sama ada buruk atau positif projek ini kepada kelangsungan hidup mereka secara jangka masa panjang adalah penduduk negeri ini.

Jangan musnah laut

PULAU PINANG 21 April - Kita dengan desakan pembangunan moden tetapi khazanah alam seperti kawasan laut adalah untuk diwarisi, bukan dimusnahkan.

Itu pendirian kumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berasaskan alam sekitar di negeri ini dalam menolak pesta tambak laut yang dirancang kerajaan negeri.

Bagi mereka, khazanah alam di bahagian pulau negeri ini sama ada kawasan laut, bukit dan paya bakau sudah terlalu terseksa dan terhimpit



S. M. MOHAMED IDRIS

Apakah yang dibincangkan, kerakusan memusnahkan alam itu perlu dibayar dengan harga yang tinggi terutamanya bencana alam seperti banjir besar dan tanah runtuh yang nampaknya semakin kerap berlaku di negeri ini.

Bagi Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), S. M. Mohamed Idris, projek tambak laut Teluk Kumbar bakal menyaksikan kemusnahan laut yang dahsyat secara jangka masa panjang.

Bagaimana nasib nelayan?

PULAU PINANG 21 April - Rintihan demi rintihan, namun ia ibarat mencurah air ke daun keladi.

Itu yang boleh dibaratkan dengan situasi masyarakat nelayan di Teluk Kumbar yang bakal hilang mata pencarian sekiranya kawasan laut yang merupakan tempat mereka mencari rezeki ditambak atau dimusnahkan.

Lebih membimbangkan nelayan apabila nasib dan masa depan mereka masih samar selepas tidak ada jaminan daripada mana-mana pihak berhubung kelangsungan hidup mereka selepas projek tambakan itu.

Bagi nelayan, **Mahadi Md. Rodzi**, kebimbangan utamanya selepas ini adalah bagaimana un-

tuk meneruskan hidup dan menyara keluarga selepas kawasan laut Teluk Kumbar itu ditambak.

Katanya, selepas lebih daripada separuh usianya menangkap ikan di laut, dia tidak tahu bagaimana untuk bertukar kepada pekerjaan lain selepas laut yang menjadi kawasannya mencari rezeki ditambak.

"Ada yang memberitahu nelayan juga akan mendapat tempat dalam pembangunan kawasan yang ditambak itu, tetapi itu cakap-cakap mulut, apa jaminannya untuk kami yakin dan percaya?"

"Apatah lagi jika lihat dari sejarah projek tambak laut di negeri ini seperti di Tanjung Tokong, pampasan yang diteri-

ma nelayan langsung tidak berbaloi dengan kehilangan secara kekal mata pencarian mereka.

"Inilah yang nelayan khususnya di Teluk Kumbar sangat bimbang dan takut," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Turut berkongsi kebimbangan sama adalah nelayan, **Faizal Zabry, 36**, yang merupakan generasi ketiga daripada keluarganya yang mencari rezeki di kawasan laut Teluk Kumbar.

Katanya, sebagai anak nelayan sejati yang membesar dengan hasil tangkapan laut, projek tambak laut yang bakal menukar kawasan itu dengan bangunan moden adalah sesuatu yang sukar diterima.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA AGRO	28

“

Pada musim membajak dan menuai, saya akan bersama-sama pekerja memastikan jentera padi beroperasi dengan baik”

Oleh SHARILFUDDIN SAARI . pengarang@utusan.com.my



PERNAH diperlekehkan orang kampung bahawa dia pasti tidak akan mampu bertahan lama, namun Norzan Abdullah, 39, sama sekali tidak patah semangat.

Bagi petani muda ini yang menerima Anugerah Tani Padi Beras Nasional Bhd. (Bernas) baru-baru ini, selagi mana berusaha dia yakin bahawa Allah akan bersamanya dan merupakan sebaik-baik Perancang.

Anak kelahiran Kampung Sungai Baru, Kubang Rotan, Kedah itu mengakui tidak ramai yang mampu bertahan untuk menguruskan sawah dan pada masa sama memberi perkhidmatan jentera seperti membajak dan menuai kepada petani.

“Terus-terang saya katakan kadang-kala hendak pergi kenduri kahwin pun tidak boleh, begitu juga jika ada orang meninggal dunia.

“Malah tidak seperti orang lain, mereka (petani) boleh berehat selepas mengusahakan sawah (iaitu semasa musim menuai) tetapi saya terus bekerja (tawarkan khidmat jentera)” katanya ketika ditemui di rumahnya baru-baru ini.

Menurut Norzan, mesdipun mempunyai empat orang



KEGIGHAN Norzan Abdullah mendapat pengiktirafan menerusi Anugerah Pesawah Cemerlang pada Anugerah Tani Padiberas Nasional (ATB) 2019.

Tekad pesawah muda

pekerja sambilan tetapi dia tidak menyerahkan sepenuhnya kepada mereka untuk menguruskan sawah dan jentera.

Hampir setiap hari katanya, dia akan meluangkan masa antara dua hingga tiga jam di sawah pada sebelah pagi untuk memastikan segala keperluan tanaman berjalan lancar.

“Saya akan pastikan pengairan atau baja mencukupi selain semua pokok bebas

penyakit serta serangan serangga.

“Daripada pemerhatian ini saya akan buat tindakan susulan mengikut keperluan seperti meracun dan membaja.

“Pada musim membajak dan menuai, saya akan bersama-sama pekerja memastikan jentera padi beroperasi dengan baik,” katanya.

Hasil penat lelahnya selama ini Norzan kini mampu

tersenyum kerana segala yang diusahakannya itu sudah menampakkan hasil.

Katanya, dia kini mengusahakan 11 hektar sawah termasuk tanah yang disewa daripada penduduk kampung selain memiliki beberapa buah jentera padi.

“Ini termasuk sebuah jentera penuai terpakai bernilai RM50,000 yang disewa beli daripada anak syarikat Bernas. Selain itu, saya ada tiga buah

jentera pembajak dan dua buah lori terpakai,” katanya.

Norzan setakat ini memperoleh pendapatan yang boleh dibanggakan iaitu kira-kira RM30,000 semasa musim padi atau RM5,000 sebulan.

Malah, dia merancang menambah lagi keluasan sawah diusahakannya itu dan memperbaiki perkhidmatan jentera kepada penduduk pada masa depan.



NORZAN ABDULLAH membantu pekerja memulid peralatan membajak sawah.



SALAHUDDIN AYUB menyampalkan Anugerah Pesawah Cemerlang kepada Norzan Abdullah (kanan) sambil diiringi Pengerusi BERNAS, Megat Joha Megat Abdul Rahman dalam Majlis Anugerah Tani Bernas 2019 di Seri Kembangan baru-baru ini.



BENIH padi yang digunakan oleh Norzan Abdullah di Kampung Sungai Baru, Kubang Rotan, Kedah. - UTUSAN/ FARIZ RUSADIO

Pernah rugi puluhan ribu ringgit

DALAM setiap kejayaan pasti ada ranjau dan anak duri.

Begitu juga dengan Norzan Abdullah yang turut tidak terlepas daripada pengalaman pahit ketika mengusahakan sawah.

Pada 2015 hingga 2016, sebahagian sawah miliknya diserang penyakit karah yang disebabkan oleh sejenis kulat.

Lebih menyakitkan, serangan itu agak panjang untuk diatasi melibatkan empat musim.

"Bukan sahaja sawah saya, malah pesawah lain turut terlibat. Ramai yang rugi ribuan ringgit, malah saya juga kerugian puluhan ribu ringgit kerana hasil merosot teruk," katanya.

Dia menyedari bahawa segala yang berlaku itu adalah dugaan dan pengalaman berharga buatnya dalam menghadapi cabaran sebagai seorang petani. Norzan turut bersyukur kerana kegigihannya

mengusahakan sawah mula diiktiraf pihak terlibat apabila dilantik menjadi ikon petani muda.

"Pelantikan sebagai duta syarikat BASF dan Ketua Peladang di kawasan Kuala Sungai baru-baru ini adalah pengalaman manis buat saya," katanya.

Dia bercita-cita menjadi contoh pesawah berjaya untuk setidak-tidaknya buat negeri Kedah daripada segala aspek termasuk penggunaan teknologi terkini.

Norzan percaya petani masa kini bukan sahaja perlu komited tetapi juga mesti mempunyai ilmu pengetahuan khususnya dalam teknologi pertanian seperti di negara-negara maju.

"Sebab itu saya ingin menarik lebih ramai generasi muda supaya meyakini bahawa bidang pertanian boleh menjadi sumber pendapatan lumayan jika berusaha," katanya.



TINJAUAN... MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub (tengah) melawat sawah padi sempena Program Tinjauan Mesra Padi dan Perasmian Kempen Penggunaan Benih Padi Sah peringkat kebangsaan di Pusat Pertanian Sungai Burong, Selangor baru-baru ini.

Kementerian beri bantuan baja

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani amat prihatin dengan keperluan pesawah apabila menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada pesawah seperti baja campuran dan baja urea bagi tujuan penanaman padi.

Menurut kenyataan kementerian tersebut, bagi musim penanaman pertama 2018/2019, pembekalan baja urea dan sebatian kepada 322,000 orang pesawah di seluruh negara telah dilaksanakan

setelah kelulusan khas diperolehi dari Kementerian Kewangan.

"Berkaitan pembekalan baja tambahan NPK pula, kementerian masih meneruskan usaha mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan untuk perolehan baja tersebut yang dianggarkan berjumlah 26,000 tan metrik untuk musim penanaman pertama 2018/2019," jelas kenyataan itu.

Kementerian telah menyusun keutamaan

program dengan mengesyorkan kepada Kementerian Kewangan supaya kelulusan diberikan untuk menggunakan peruntukan sedia ada bagi tujuan perolehan baja tambahan NPK itu.

Proses permohonan pindah peruntukan dan pelanjutan kontrak input pertanian padi 2019 sedang dalam pertimbangan Kementerian Kewangan dan pembekalan dijangka dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini.



NORZAN ABDULLAH menunjukkan tanda harga pada goni benih padi.



PESAWAH masih memerlukan bantuan daripada kerajaan setiap kali musim penanaman. - GAMBAR HIASAN